

**THE ROLES OF BAITULMAL IN MALAYSIA TOWARDS
IMPLEMENTING BUSINESS FUND SCHEME**



**INSTITUT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN PENGKOMERSILAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

OLEH:

**DR. AHMAD CHE YAACOB
RAZALI DAUD
ROSLIM MOHAMAD
BASARUDDIN SHAH BASRI
MOHD BAHRIN OTHMAN**

OGOS 2007

**THE ROLES OF BAITULMAL IN MALAYSIA TOWARDS
IMPLEMENTING BUSINESS FUND SCHEME**

OLEH:

**DR. AHMAD CHE YAACOB
RAZALI DAUD
ROSLIM MOHAMAD
BASARUDDIN SHAH BASRI
MOHD BAHRIN OTHMAN**

OGOS 2007

100-11420/114PA

16/6/2 (5/2004)

Tarikh : 21 Ogos 2007
No. Fail Projek : 07-02-01-0086-AE0085

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam

YBhg. Prof.,

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN THE ROLES OF BAITULMAL IN
MALAYSIA TOWARDS IMPLEMENTING BUSINESS FUND SCHEME**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 3 (tiga) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk "The Roles of Baitulmal in Malaysia Towards Implementing Business Fund Scheme".

Sekian, terima kasih.

Yang benar



DR. AHMAD CHE YAACOB
Ketua
Projek Penyelidikan

DAFTAR AHLI KUMPULAN

DR. AHMAD BIN CHE YAACOB


Ketua Projek



Tandatangan

RAZALI BIN DAUD


Timbalan Ketua Projek



Tandatangan

ROSLIM BIN MOHAMAD

Ahli Penyelidik



Tandatangan

BASARUDDIN SHAH BIN BASRI


Ahli Penyelidik



Tandatangan

MOHD BAHRIN BIN OTHMAN

Ahli Penyelidik



Tandatangan

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna.

Diantaranya:

Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI)

Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan Universiti Teknologi MARA (IRDC)

Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) dan Pusat Zakat Negeri-negeri

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JWZH), Jabatan Perdana Menteri (JPM)

Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), Departemen Agama Republik Indonesia (DARI), Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam (MUIB)

Prof. Madya Dr. Omar bin Samat
(Pengarah UiTM Johor)

Prof. Madya Dr. Mohd Hashim bin Mohd Kamil
(Mantan Pengarah UiTM Johor)

Pn. Azizah binti Aris
(Koordinator URDC UiTM Johor)

dan

Semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sokongan di dalam menjayakan penyelidikan ini.

ISI KANDUNGAN

Surat Tawaran Penyelidikan

Surat Penyerahan Laporan

Daftar Ahli Penyelidik

Penghargaan

Daftar Ilustrasi

Abstrak

BAB PERTAMA: PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan	1
1.2. Objektif Kajian	2
1.3. Kepentingan Kajian	3
1.4. Definisi Operasional	
1.4.1. Zakat	4
1.4.2. Baitulmal	5
1.4.3. Skim Bantuan Perniagaan	6

BAB KEDUA: SOROTAN KAJIAN BERTULIS

2.1. Sejarah Pelaksanaan Baitulmal	9
2.2. Faktor-faktor Penyumbang dan Penghalang Peranan Baitulmal di Malaysia	27
2.3. Potensi Kutipan Zakat di Malaysia	41
2.4. Pelaksanaan Skim Bantuan Perniagaan	50
2.5. Peranan Baitulmal dalam Peningkatan Sosioekonomi Asnaf	71

2.6. Penyelarasan Baitulmal/Zakat di Malaysia	83
---	----

BAB KETIGA: METODOLOGI KAJIAN

3.1. Metodologi Kajian	94
3.1.1. Kaedah Kajian	95
3.1.2. Data Kajian	97
3.1.3. Sampel Kajian	99
3.2. Instrumen Kajian	99
3.3. Rekabentuk Kajian	101
3.4. Analisis Data	108

BAB KEEMPAT: DAPATAN KAJIAN KUALITATIF

4.1. Pengenalan	111
4.2. Dapatan Kajian Dalam Negeri	
4.2.1. Majlis Agama Islam Johor	114
4.2.2. Majlis Agama Islam Selangor	117
4.2.3. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan	121
4.2.4. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	126
4.2.5. Majlis Agama Islam Sarawak	133
4.2.6. Majlis Agama Islam Negeri Perlis	136
4.2.7. Majlis Hal Ehwal Agama Islam Kedah	138
4.2.8. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang	142
4.2.9. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak	145

4.2.10.	Majlis Ugama Islam Sabah	149
4.2.11.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu	153
4.2.12.	Majlis Agama Islam Melaka	158
4.2.13.	Majlis Agama Islam Pulau Pinang	165
4.2.14.	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	181
4.3.	Kajian Luar Negara	
4.3.1.	Majlis Ugama Islam Singapura	194
4.3.2.	Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam	210
4.3.3.	Departemen Agama Republik Indonesia	231
BAB KELIMA: DAPATAN KAJIAN KUANTITATIF		
5. Pemeriksaan Data		
5.1.	Data Daripada Kumpulan Pegawai Zakat	256
5.1.1.	Analisis Faktor	257
5.1.2.	Anggaran Kesahan Konstrak	259
5.1.3.	Anggaran <i>Discriminant Validity</i>	260
5.2.	Data Daripada Kumpulan Pembayar Zakat	
5.2.1.	Analisis Faktor	261
5.2.2.	Anggaran Kesahan Konstrak	263
5.2.3.	Anggaran <i>Discriminant Validity</i>	264
5.3.	Data Daripada Kumpulan Asnaf	
5.3.1.	Analisis Faktor	265

5.3.2.	Anggaran Kesahan Konstrak	267
5.3.3.	Anggaran <i>Discriminant Validity</i>	267
5.4.	Penemuan Persoalan Kajian	
5.5.	Penemuan Tahap Semasa Aspek Pengurusan Zakat	268
5.5.1.	Perspektif Pegawai Zakat	269
5.5.2.	Perspektif Pembayar Zakat	271
5.5.3.	Perspektif Asnaf	273
5.6.	Perbandingan Mengikut Kumpulan Responden	275
5.7.	Penemuan: Korelasi Antara Faktor	
5.7.1.	Pegawai Zakat	280
5.7.2.	Pembayar Zakat	281
5.7.3.	Asnaf	282
5.8.	Penemuan: Analisa Regrasi Berganda	283
5.9.	Penemuan: Faktor-faktor Penyumbang Kepada Pelaksanaan Skim Bantuan Perniagaan	285
5.10.	Kesimpulan Hipotesis	287

BAB KEENAM: KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1.	Kesimpulan dan Saranan	292
6.1.1.	Konsep dan Pemakaian Istilah Baitulmal	292
6.1.2.	Peranan Semasa Baitulmal	296
6.1.3.	Kaedah Memoptimumkan Sumber Baitulmal	297
6.1.4.	Tahap Keyakinan Terhadap Baitulmal	297

6.1.5. Pelaksanaan Skim Bantuan Perniagaan	298
6.2. Cadangan Model Skim Bantuan Perniagaan	299
6.2.1. Skim Perkongsian Usahawan dan MAIN	301
6.2.2. Tabung Skim Bantuan Perniagaan MAIN	302
6.2.3. Tabung Amanah Skim Bantuan Perniagaan	302
6.3. Cadangan untuk Penyelidikan Lanjutan	305
RUJUKAN	309
LAMPIRAN	321

DAFTAR ILLUSTRASI DAN LAMPIRAN

Jadual 2.1	: Perbandingan Kutipan Zakat Harta dan Zakat Fitrah	46
Jadual 2.2	: Perbandingan Kutipan Zakat Pendapatan dan harta-harta lain	46
Jadual 2.3	: Perbandingan Kutipan Zakat Harta dan Zakat Fitrah (Selangor)	47
Jadual 2.4	: Perbandingan Kutipan Zakat dan harta-harta lain (Selangor)	47
Jadual 2.5	: Perbandingan Kutipan Zakat Pendapatan Mengikut Tahun di Wilayah Persekutuan	48
Jadual 2.6	: Statistik pungutan yang dikeluarkan oleh Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Pesekutuan	58
Jadual 3.1	: Ringkasan Metodologi Kajian	94
Rajah 3.1 (a)	: Skema Kerta Kajian	96
Jadual 3.2	: Rekabentuk Kajian	102
Rajah 3.2 (a)	: Analisa Data	108
Jadual 4.1	: Statistik Kutipan dan Agihan MAIJ	116
Jadual 4.2	: Statistik Kutipan Zakat Negeri Selangor	118
Jadual 4.3	: Pendapatan keseluruhan Baitulmal NS dari tahun 1999 – 2003	127
Jadual 4.4	: Statistik Kutipan dan Agihan Zakat MAINS	128
Jadual 4.5	: Statistik Kutipan Zakat Terengganu	157
Jadual 4.6	: Statistik Agihan Zakat Terengganu	157
Jadual 4.7	: Carta Organisasi MAIM	163
Jadual 4.8	: Carta Organisasi Pusat Zakat Melaka	164
Jadual 4.9	: Kutipan Zakat MUIS 2002 – 2003	205
Jadual 4.10	: Agihan Zakat MUIS 2002 – 2003	206
Jadual 4.11	: Bantuan MUIS Kepada Asnaf	207

Jadual 4.12 : Bantuan MUIS Kepada Amil	207
Jadual 4.13 : Bantuan MUIS Kepada Muallaf	208
Jadual 4.14 : Bantuan MUIS Kepada Riqab	208
Jadual 4.15 : Bantuan MUIS Kepada Gharimin	208
Jadual 4.16 : Bantuan MUIS Kepada Fisabilillah	209
Jadual 4.17 : Kutipan Zakat MUIB dari 1990 – 2002	225
Jadual 4.18 : Jumlah Kutipan Zakat MUIB 1999 – 2001	225
Jadual 4.19 : Agihan Zakat MUIB 1990 – 2002	226
Jadual 4.20 : Perbandingan Kutipan dan Agihan Zakat MUIB	228
Jadual 4.21 : Kutipan Zakat Dompot Dhuafa Republika Indonesia	248
Jadual 5.1 : Keputusan Pemeriksaan Data Pegawai Zakat	258
Jadual 5.2 : Korelasi Di antara Aspek Pengurusan Zakat – Pegawai Zakat	260
Jadual 5.3 : Keputusan Pemeriksaan Data Pembayar Zakat	262
Jadual 5.4 : Korelasi Di antara Aspek Pengurusan Zakat – Pembayar Zakat	264
Jadual 5.5 : Keputusan Pemeriksaan Data Asnaf	266
Jadual 5.6 : Korelasi Di antara Aspek Pengurusan Zakat – Asnaf	268
Jadual 5.7 : Skor Purata dan Tahap Semasa Pengurusan Zakat	269
Jadual 5.8 : Tahap Semasa Aspek Pengurusan Zakat Bagi Pegawai Zakat	271
Jadual 5.9 : Tahap Semasa Aspek Pengurusan Zakat Bagi Pembayar Zakat	273
Jadual 5.10 : Tahap Semasa Aspek Pengurusan Zakat Bagi Asnaf	274
Jadual 5.11 : Tahap Semasa Aspek Pengurusan Zakat dan Perbandingan Mengikut Kumpulan	277
Jadual 5.11 (a): Post Hoc Perbandingan Multiple	279
Jadual 5.12 : Korelasi di antara Aspek Pengurusan Zakat – Pegawai Zakat	281

Jadual 5.13	: Korelasi di antara Aspek Pengurusan Zakat – Pembayar Zakat	282
Jadual 5.14	: Korelasi di antara Aspek Pengurusan Zakat – Asnaf	283
Jadual 5.15	: Analisa Regrasi Skim Bantun Modal dan Peralatan (SBMP)	283
Jadual 5.16	: Analisa Regrasi Berganda– Pekali (coefficients). @ Pembolehubah Bersandar (Dependent) Skim Bantuan Modal dan Peralatan (SBMP)	286
Jadual 5.16 (a):	Regrasi Berganda Bagi Semua Responden	288
Jadual 5.16 (b):	Regrasi Berganda Bagi Pegawai Zakat	289
Jadual 5.16 (c):	Regrasi Berganda Bagi Pembayar Zakat	290
Jadual 5.16 (d):	Regrasi Berganda Bagi Asnaf	291
Lampiran 1	: Statistik Kutipan Zakat Negeri-negeri di Malaysia	321
Lampiran 2	: Statistik Kutipan dan Agihan Zakat Negeri-negeri di Malaysia	322
Lampiran 3	: Perbezaan Laporan Kutipan Zakat	350
Lampiran 4	: Fungsi MAIN	360
Lampiran 5	: Rekabentuk Soalselidik	378
Lampiran 6	: Permasalahan Kajian	393
Lampiran 7	: “ <i>Indicators</i> ” (Petunjuk)	394
Lampiran 8	: Mukadepan Soalselidik	396
Lampiran 9	: Borang Soal selidik untuk Asnaf Zakat	399
Lampiran 10	: Borang Soal selidik untuk Pembayar Zakat	407
Lampiran 11	: Borang Soal selidik untuk Pegawai Zakat	417
Lampiran 12	: <i>Benefit report</i> MOSTE	425
Lampiran 13	: <i>End report</i> MOSTE	435

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1. PENGENALAN.

Sejarah Islam telah menunjukkan bahawa institusi Baitulmal khususnya zakat berperanan penting dalam mengerakkan sosioekonomi umat Islam. Bahkan, semasa zaman khalifah Umar b. Abdul Aziz, institusi zakat telah mampu mengatasi permasalahan kemiskinan sehingga tidak ada pihak yang mahu menerima wang bantuan zakat. Namun, realiti institusi zakat pada hari ini agak berbeza. Ia masih belum mampu untuk menyamai piawai yang telah ditetapkan terdahulu seperti di zaman kegemilangan Islam. Walaupun kutipan zakat di seluruh negara pada tahun 2005 mencapai RM573 juta dan boleh dibanggakan, namun ia kurang daripada 1% hasil pendapatan negara. Namun, isu seterusnya ialah berkaitan dengan agihan zakat. Apakah pula program-program yang sepatutnya diberikan keutamaan dalam mengatasi permasalahan kemiskinan? Adakah dengan memberikan perkahwinan percuma atau amil diberikan peruntukan lebih banyak berbanding dengan asnaf fakir dan miskin? Kajian ini bertujuan untuk membincangkan usaha-usaha ke arah memastikan peningkatan kutipan dan seterusnya memikirkan strategi yang bersesuaian untuk membantu golongan asnaf zakat, khususnya dengan melaksanakan Skim Bantuan Perniagaan. Kajian menaruh

keyakinan bahawa Skim Bantuan Perniagaan mampu untuk membantu usahawan Muslim, dan melepaskan mereka daripada belenggu kemiskinan dan menukar status mereka daripada penerima zakat kepada pembayar zakat. Untuk itu kajian turut memfokuskan perbincangan keberkesanan pelaksanaan skim dan mencadangkan beberapa penambahbaikan. Apa yang menarik ialah kejayaan Grameen Bank Bangladesh dan pengasasnya Prof Muhammad Yunus sehingga beliau mendapat anugerah Nobel. Kejayaan ini telah memberi sinar harapan bahawa Skim Bantuan Modal Perniagaan mampu untuk mengurus kemiskinan secara teratur dan berstrategi.

1.2. OBJEKTIF KAJIAN.

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut:

- a) Untuk mengenalpasti peranan Baitulmal, khasnya institusi zakat dalam penggunaan sumber-sumbernya,
- b) Untuk mengenalpasti kaedah bagi memoptimakan penggunaan sumber-sumber Baitulmal,
- c) Untuk mengukur tahap keyakinan masyarakat terhadap pengurusan Baitulmal,
- d) Untuk mengukur tahap keberkesanan Skim Bantuan Perniagaan yang dilaksanakan oleh institusi Baitulmal.

1.3. KEPENTINGAN KAJIAN.

Kajian ini penting bagi memenuhi kehendak dan keperluan semasa kewangan Islam. Ini serentak dengan pengumuman penubuhan Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JWZH) oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Mac 2004. Pengumuman ini dibuat semasa YAB Perdana Menteri mengisytiharkan pembentukan kabinet baru. YAB Perdana Menteri menjelaskan bahawa tujuan penubuhan Jabatan ini adalah untuk memastikan pentadbiran harta zakat, wakaf dan urusan Haji di seluruh negara lebih tersusun, sistematik dan berkesan. Ia juga untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan “*delivery system*” agensi kerajaan. (Buku Program Majlis Pelancaran Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, 8 Oktober 2004).

Jabatan ini juga adalah kesinambungan dari usaha untuk menyelaraskan dan memperkasa institusi Baitulmal yang telah dimulakan dengan penubuhan Bahagian Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan (BPBK) di JAKIM.

Kajian ini juga selaras dengan hasrat Kementerian Kewangan Malaysia bagi memperkasakan institusi kewangan Islam sebagaimana yang diumumkan oleh Menteri Kewangan II iaitu “*third wave of Islamic financial institutions*” (gelombang ketiga institusi kewangan Islam). Di mana institusi wakaf dan zakat iaitu institusi bukan perbankan adalah pelengkap kepada pemerksaan Institusi Perbankan Islam dan Pasaran Modal Islam.

1.4. DEFINISI OPERASIONAL.

1.4.1. Zakat.

Zakat merupakan satu daripada rukun Islam. Zakat seringkali dikaitkan dengan ibadah solat. Al-Quran telah menyebutnya sebanyak 33 kali berserta dengan kefarduan ibadah solat. Ini menjelaskan kepentingan zakat kepada umat Islam. Zakat juga memainkan peranan dalam memperkasa ekonomi umat Islam. Sejarah telah membuktikan bahawa zakat mampu membela nasib umat Islam dan membangunkan sosioekonomi mereka. Kesan agihan zakat yang sempurna telah melepaskan umat Islam daripada belenggu kemiskinan. Seterusnya, ibadah zakat mengajar umat Islam untuk menjadi seorang yang kaya dan menguasai ekonomi kerana hanya dengan cara tersebut sahaja mereka dapat menunaikan fardhu ibadah zakat.

Zakat dari segi bahasa

Dari segi bahasa, zakat merupakan kata *masdar* yang membawa erti berkat, tumbuh, bersih dan baik (Dr. Yusuf al-Qardhawi, 1988). Zakat membawa maksud *ziyadah* (bertambah), *nama'* (tumbuh) dan *tathir* (membersihkan dan menyucikan). (Dr. Rif'at Abd Latif Masyur, 2002). Penggunaan maksud-maksud ini boleh dirujuk kepada ayat-ayat suci al-Qur'an seperti 9:103, 7:156, 19:31, 21:72, 23:4, 27:3, 30:39, 31:4 dan 41:7. Penggunaan perkataan ini sekaligus menolak dakwaan orientalis barat seperti

Schacht yang mengatakan Nabi Muhammad s.a.w. meminjam perkataan zakat dari bahasa Yahudi *zakut* (Dr. Yusuf al-Qardhawi, 1988).

Definasi zakat dari segi istilah

Dari segi hukum syarak zakat ialah harta yang tertentu yang diberikan kepada orang yang berhak menerimanya dengan beberapa syarat. Zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam dan mula diwajibkan di Madinah pada bulan Syawal dalam tahun kedua Hijrah selepas difardhukan ibadah puasa (Dr. Wahbah al-Zuhaili, 1989).

1.4.2. Baitulmal.

Baitulmal merupakan pusat bagi organisasi kewangan dalam pemerintahan kerajaan Islam. Dalam bahasa Arab *bait* bermakna rumah, *mal* adalah harta. Oleh itu Baitulmal bermakna Perbendaharaan Awam. Konsep Baitulmal juga berkait dengan konsep harta amanah kerana harta Baitulmal hendaklah diperlakukan sebagai harta Allah atau harta orang Islam. Menurut konsep ini, harta Baitulmal adalah amanah Allah dan harta milik semua umat Islam. Dalam hal ini, khalifah atau pemerintah ialah pemegang amanah yang wajib membelanjakan harta itu untuk urusan bersama umat Islam manakala dia hanya mendapat gaji yang ditetapkan (Abdul Rahman, 2003).

Konsep negara Islam dan penubuhan Baitulmal tidak boleh dipisahkan. Perkataan Baitulmal tidak disebut dalam Al-Quran secara jelas, tetapi sumber aliran dana dalam

Baitulmal dinyatakan satu persatu dalam Al-Quran. Walaupun demikian institusi ini kerap disebut dalam hadis Rasulullah s.a.w. Baitulmal telah wujud semasa zaman Rasulullah s.a.w sebaik sahaja negara Islam di Madinah ditubuhkan. Institusi ini berkembang sepenuhnya pada zaman Khulafa al-Rasyidin khasnya pada zaman Saidina Umar bin al-Khattab.

Namun, istilah Baitulmal pada masa sekarang adalah berbeza daripada maksud dan peranan Baitulmal di zaman kegemilangan Islam. Baitulmal pada hari ini adalah satu entiti kecil dalam Majlis Agama Islam Negeri dan ada juga pihak yang menggunakan istilah Baitulmal bagi merujuk kepada Bahagian Kewangan yang mengurus harta Majlis. Dengan melihat kepada sumber dan peranan Baitulmal sekarang, ia amatlah jauh daripada maksud Baitulmal sebenar seperti yang pernah dilaksanakan yang bermaksud Perbendaraan Negara yang mengurus semua kutipan hasil pendapatan dan perbelanjaan Negara. Ini termasuklah harta zakat, wakaf, cukai dan sebagainya. Sedangkan pada hari ini kutipan harta Baitulmal tidak sampai 1% daripada sumber kewangan Negara. Perkara ini akan dibincangkan secara lebih menyeluruh dalam Bab Kedua.

1.4.3. Skim Bantuan Perniagaan.

Skim Bantuan Perniagaan adalah antara program bantuan yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri yang bertujuan untuk memberikan bantuan kepada asnaf zakat. Berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bahagian Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan di JAKIM yang kemudian dinaiktaraf menjadi Jabatan Wakaf,

Zakat dan Haji (JWZH), beberapa ketetapan telah dibuat mengenai Skim Bantuan Perniagaan, iaitu:

Objektif:

- a) Membantu golongan asnaf fakir, miskin dan muallaf supaya dapat berdikari dengan menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan bagi mempertingkatkan taraf ekonomi mereka.
- b) Memajukan perniagaan mereka agar tidak terus dibelenggu arus kemiskinan, seterusnya menjadi golongan pembayar zakat.

Syarat-syarat:

- a) Memenuhi syarat-syarat umum penerima zakat
- b) Memperolehi tawaran lesen dan tapak daripada pihak berkenaan
- c) Pemohon bantuan perniagaan perlu menghadiri kursus Induksi sebelum menerima bantuan dan bagi mendapat bantuan kali kedua, pemohon perlu mengikuti kursus lanjutan,
- d) Bantuan modal pusingan perniagaan diberikan kepada mereka yang mempunyai kerja tetap tetapi tidak mencukupi had kifayah seperti pengawal keselamatan, pemandu dan sebagainya.
- e) Bantuan seterusnya boleh diberikan berdasarkan kepada sebab-sebab berikut, iaitu:
 - i) Bencana alam
 - ii) Kecurian atau rompakan dan sebagainya
 - iii) Perniagaan berdaya maju.

f) Keutamaan diberikan kepada mereka yang mempunyai syarat-syarat seperti berikut:

- i) Berniaga sepenuh masa
- ii) Telah mempunyai pengalaman dan menghadiri kursus perniagaan.

BAB DUA

SOROTAN KAJIAN BERTULIS

2.1 SEJARAH PELAKSANAAN BAITULMAL.

2.1.0. Pendahuluan.

Baitulmal merupakan pusat organisasi kewangan dalam pemerintahan kerajaan Islam silam dan kini. Dalam bahasa Arab, *bait* bermakna rumah, manakala *mal* adalah harta benda. Oleh itu, Baitulmal bermakna perbendaharaan awam. Konsep Baitulmal juga berkait rapat dengan konsep amanah. Oleh itu, harta Baitulmal hendaklah diperlakukan sebagai harta Allah atau harta orang Islam. Ini bertentangan dengan konsep perbendaharaan empayar yang wujud pada zaman pertengahan dahulu. Menurut konsep Islam, harta Baitulmal adalah amanah Allah dan harta milik semua umat Islam. Dalam hal ini, khalifah atau pemerintah Islam adalah pemegang amanah yang wajib membelanjakan harta itu untuk urusan bersama umat Islam manakala pemimpin hanya mendapat gaji yang ditetapkan (Abdul Rahman, 2003).

Konsep negara Islam dan penubuhan Baitulmal tidak boleh dipisahkan. Perkataan Baitulmal tidak disebut dalam Al-Quran secara jelas, tetapi sumber aliran dana dalam Baitulmal dinyatakan satu persatu dalam Al- Quran. Walaupun demikian, institusi ini kerap disebut dalam hadis Rasulullah s.a.w. Baitulmal diwujudkan dalam zaman Rasulullah s.a.w sebaik sahaja negara Islam di Madinah ditubuhkan. Institusi ini berkembang sepenuhnya pada zaman Khalifah al-Rasyidin khasnya pada zaman Saidina Umar bin al-Khattab.

2.1.1 Kedudukan Baitulmal pada Zaman Rasulullah S.A.W.

Baitulmal ditubuhkan sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w dan perbelanjaan sumber kewangan dibelanjakan melalui metod yang paling bijaksana seperti berikut :

- a) Hasil cukai jizyah daripada Bani Nadhir diperuntukkan untuk perbelanjaan sendiri dan bakinya untuk kecemasan, peruntukan tertentu, pemeliharaan kuda serta persenjataan.
- b) Hasil pertanian daripada Fadak dibelanjakan untuk orang perantauan yang tidak mempunyai wang. Hasil daripada Khaybar pula diperuntukkan untuk orang Islam dan keluarga baginda. Manakala baki daripada kedua-dua hasil ini dibelanjakan untuk para Muhajirin miskin.
- c) Harta *fai* dibelanjakan bagi kepentingan agama, diri Rasuluallah serta keluarga baginda, anak-anak yatim, golongan miskin dan pengembara dalam kesusahan.
- d) Harta tebusan dibelanjakan untuk membeli senjata.

- e) Harta simpanan dalam perbendaharaan juga digunakan untuk membayar gaji kakitangan kerajaan dalam pentadbiran awam tetapi tidak kepada semua kerana ada yang bekerja secara sukarela.
- f) Membayar *diyat* (wang darah) kepada keluarga mereka yang dibunuh secara tidak sengaja oleh tentera Islam.
- g) Delegasi-delegasi yang melawat kota Madinah diberi hadiah daripada wang Baitulmal. Mereka yang memeluk Islam dan orang kenamaan diberi sumbangan tertentu.
- h) Sumbangan juga untuk mereka yang baru memeluk Islam dan bukan Islam bagi menjinakkan hati mereka kepada Islam.
- i) Setelah kedudukan perbendaharaan negara kukuh, baginda mengambil inisiatif membayar hutang-hutang fakir miskin yang belum berbayar.
- j) Juga digunakan untuk membebaskan hamba seperti wang digunakan untuk membebaskan Salman al-Farisi.
- k) Harta *khumus* digunakan untuk membayar mas kahwin seperti Rasulullah membayar mas kahwin keluarga baginda dari Baitulmal.

2.1.2 Perbendaharaan dan Sumber Kewangan Awam pada Zaman Khalifah Abu Bakar

Istilah Baitulmal masih lagi tidak digunakan pada zaman khalifah Abu Bakar. Beliau menempatkannya di sebuah bangunan dan dibelanjakan segera untuk tujuan kebajikan sosial umat Islam. Semasa menghadapi peperangan Al-Riddah, pendapatan